

Headline	K'jaan digesa beku, batal lesen SPA ikan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	12 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	3	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	123 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 634
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,902



K'jaan digesa beku, batal lesen SPA ikan

KOTA KINABALU: Persatuan Penderma Darah Sabah menggesa kerajaan membeku atau membatalkan lesen perniagaan SPA ikan di negeri ini.

Ini berikutan kebimbangan pelbagai pihak mengenai kemungkinan berlaku jangkitan HIV melalui perkhidmatan itu, kata presiden persatuan itu, Taufick haji Ruschi.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin baru-baru ini mengenai bahaya perkhidmatan SPA ikan.

"Wujud kemungkinan ikan-ikan yang digunakan untuk terapi itu adalah ikan yang sama untuk semua pelanggan. Ini sangat berisiko kepada kesihatan di mana berkemungkinan pengguna terapi tersebut mahu membuang penyakit yang dihidapinya melalui ikan-ikan berkenaan," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Persatuan Penderma Darah Sabah sangat bimbang ia akan memudaratkan masyarakat kita dan berharap perniagaan tersebut diharamkan, tambahnya.



Taufick

Dalam pada itu, kata Taufick, Persatuan Penderma Darah Sabah merayu ihsan masyarakat di seluruh Sabah agar membantu mengisi Tabung Darah Hospital yang kini kritikal kekurangan darah.

Taufick berkata, keperluan darah ini ialah bagi menampung kegunaan hospital kerajaan untuk pelbagai keperluan seperti ibu-ibu bersalin, anak yang baru lahir dan berpenyakit kuning, mangsa kemalangan jalanraya, pesakit yang perlu menjalani pembedahan dan pesakit Talasemia.

Menurut Taufick lagi, Persatuan Penderma Darah Sabah akan mengadakan kempen menderma darah di Yu Sang Marketing di sini pada 19 November 2011 dan pada 20 November 2011 pula, kempen menderma darah itu akan beralih ke Lido.

Persatuan juga telah merangka program kempen menderma darah di pelbagai tempat di Sabah dan berharap rakyat Sabah tampil membantu persatuan dalam usaha menyelamatkan nyawa manusia.